



Aplikasi Pendidikan Islam dan Moral Dalam Variasi Etnik Malaysia

AZHAR ABDUL RAHMAN^{1, a}, SYAIMAK ISMAIL^{2, b}, NOR AZIRA MOHD RADZI^{3, c}, MOHAMAD ZAID MOHD ZIN^{4, d}

¹Universiti Teknologi MARA, Perlis Branch, Malaysia

²Universiti Teknologi MARA, Perlis Branch, Malaysia

³Universiti Teknologi MARA, Perlis Branch, Malaysia

⁴Universiti Teknologi MARA, Sarawak Branch, Malaysia

^aazharabdulrahman@uitm.edu.my, ^bsyaimak@uitm.edu.my

& ^cnorazira202@uitm.edu.my, ^dmohamadzaid@uitm.edu.my

Abstrak

Malaysia terdiri dari variasi etnik meliputi Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Pendidikan merealisasikan matlamat negara Malaysia ke arah melahirkan masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin dan terlatih. Justeru, pendidikan Islam dan pendidikan moral diwajibkan dalam konteks pendidikan wajib variasi etnik di Malaysia. Pendidikan Islam secara ringkasnya meliputi pendidikan manusia seluruhnya termasuk akal dan hati, rohani, jasmani, akhlak dan tingkah laku ke arah perhambaan kepada Allah SWT. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan melihat aspek sejarah kemajmukan, konsep dan aplikasi pendidikan Islam dan moral di Malaysia. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif menerusi kajian kepustakaan. Metod dokumentasi digunakan untuk mengumpul data dan analisis kandungan dibuat secara deskriptif. Objektif kajian untuk memahami sejarah kemajmukan dan aplikasi pendidikan Islam dan moral dalam variasi etnik di Malaysia. Hasil kajian mendapati falsafah pendidikan negara dan Rukunegara menjadi pemangkin dan kelestarian kepada pendidikan Islam dan moral di Malaysia. Kajian ini memberi faedah kepada individu dan sarjana yang berminat dalam kepelbagaian budaya dan etnik dan konsep pendidikan Islam.

Katakunci : Aplikasi, Pendidikan, Islam, Moral, Etnik

1. Pengenalan

Fitrah kehidupan manusia sentiasa menginginkan perkembangan kemampuan dan jati diri agar lebih baik dari sebelum. Oleh kerana itulah ia memerlukan pendidikan sempurna bagi memperoleh ilmu pengetahuan berguna dan berupaya meningkatkan kredibiliti diri. Ini dapat kita lihat bagaimana kisah *Tālūt* yang telah dipilih oleh Allah S.W.T. untuk memimpin sebuah kerajaan berteraskan aqidah kepada Allah S.W.T. yang Maha Esa. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud;

Dan Nabi mereka pula berkata kepada mereka : “ Bahawasanya Allah S.W.T. telah melantik Tālūt menjadi raja bagi kamu,” mereka menjawab : “Bagaimana dia mendapat kuasa memerintah kami sedang kami lebih berhak dengan kuasa pemerintahan itu daripadanya, dan dia pula tidak diberi keluasan harta ?” Nabi mereka berkata : “ Sesungguhnya Allah S.W.T. telah memilihnya (Tolut) menjadi raja kamu, dan telah mengurniakan kelebihan dalam lapangan ilmu pengetahuan dan kegagahan tubuh badan.” (Surah al-Baqarah (2):247)

2. Kajian Literatur

i. Konsep Pendidikan Islam

Dalam kehidupan, pendidikan merupakan *elemen* penting bagi memastikan kesinambungan hidup manusia dan merupakan warisan kebudayaan yang membezakan manusia daripada haiwan. Ini kerana, kehidupan dalam garis kasarnya dapatlah dibahagikan kepada tujuh bahagian iaitu ekonomi, politik, teknologi, kesenian, falsafah dan agama. Pendidikan berfungsi sebagai warisan kebudayaan kerana pendidikan mewariskan kepada generasi pelapis ilmu pengetahuan dan teknologi dalam kehidupan sosial, ekonomi, politik, kesenian, pemikiran-pemikiran falsafah dan kepercayaan serta praktik keagamaan (Sidi Gazalba, 1970) Dalam bahasa ‘Arab, pendidikan disebut sebagai *al-tarbiyyah* yang diambil dari perkataan akar kata *Rabb* yang bererti pemilik, pentadbir atau pendidik (Ibn Manzur, 1955). Dalam *sūrah* al-Fātihah kalimah *Rabb* telah ditafsirkan oleh Hamka (1986) sebagai pemelihara dan pendidik. Kalimah *Rabb* juga bermaksud menyampaikan sesuatu secara tahap demi tahap menuju kepada kesempurnaan (Al Baydawi, 1968). Dalam bahasa Inggeris, pendidikan disebut sebagai (*Education*) bermaksud melatih atau membina mental dan moral atau menyediakan tunjuk ajar yang bersistematik (Maurice Waite, 1995). *Education* berasal dari cantuman dua kalimah dari Bahasa Latin iaitu ; *e’x* bererti ‘keluar’ dan *Duceredua* bererti ‘memimpin’. Oleh itu sebutan *eex duceredua* dipindahkan dalam bahasa Inggeris dan disebut sebagai *education* yang memberi erti mendidik, mengasuh atau membina diri dan watak seseorang (Shipley, 1957).

Menurut Hassan Langgulung (1979), pendidikan dalam pengertian yang luas ialah memindahkan nilai-nilai kebudayaan kepada setiap individu dalam masyarakat melalui proses pengajaran, latihan dan *indoktrinasi*. Pemindahan nilai melalui proses pengajaran ialah memindahkan ilmu pengetahuan kepada orang lain yang belum mempunyai



pengetahuan tersebut. Pemindahan melalui proses latihan ialah seseorang membiasakan diri dalam melakukan pekerjaan untuk memperoleh kemahiran dalam pekerjaan tersebut. Manakala proses *indoktrinasi* ialah proses yang melibatkan seseorang meniru atau mengikut apa yang diperintahkan oleh orang lain. Menurut Tham Seong Chee (1977), sistem pendidikan jika dipandang dari segi pemindahan nilai-nilai, mempunyai dua fungsi yang besar, iaitu pertamanya menjaga sistem yang telah sedia ada dengan mengambil perhitungan kepada nilai-nilai baru dalam perkembangannya atau melahirkan satu kelompok masyarakat baru dan berfungsi sebagai jentera pembaharuan (*modernization*) kepada masyarakat. Dari sudut prinsip Islam, penjelasan mengenai pendidikan Islam dapat dilihat dari ayat pertama yang diturunkan. Ia merupakan satu petanda bangkitnya satu peradaban manusia yang berteraskan kepada keesaan Allah S.W.T. dalam segenap sudut. *Firmān* Allah S.W.T. yang bermaksud ;

***Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk)
(Sūrah Al ‘Alaq (96) : 1)***

Hamka (1986) melalui Tafsīr al-Azhar menjelaskan bahawa, ayat yang pertama diturunkan ini, telah memberikan penilaian yang tertinggi kepada kemahiran membaca dan menulis ilmu pengetahuan dalam segala cabang dan bahagiannya. Dengan itu mula dibuka segala *wahy* yang akan turun kemudiannya. Justeru, sekiranya kaum *muslimīn* tidak mendapat petunjuk dari ayat ini dan jika permulaan wahyu ini tidak menggetarkan hati mereka, maka mereka tidak akan bangun lagi selama-lamanya. Membaca melibatkan proses mental yang tinggi yang melibatkan proses pengenalan (*cognition*), ingatan (*memorization*), pengamatan (*perception*), pengucapan (*verbalization*), pemikiran (*rationalization*), kreativiti (*creativity*) dan psikologi (*psychology*). Membaca juga melibatkan keseluruhan *struktur* mental manusia sebagai seorang individu. Di samping itu, membaca itu mempunyai aspek sosial, iaitu proses yang menghubungkan perasaan, pemikiran dan tingkah laku seseorang manusia dengan manusia yang lain. Pembacaan mengkehendaki adanya *simbol* yang dapat dibaca, iaitu tulisan. Dengan pembacaan, manusia tidak perlu bersemuka antara satu sama lain. Pembacaan merupakan alat *sistem* perhubungan yang merupakan syarat mutlak wujudnya kesinambungan suatu sistem sosial (Hassan Langgulung (1979).

Apabila pendidikan dikaitkan dengan Islam ianya membawa maksud pendidikan manusia seluruhnya termasuk akal dan hati, rohani, jasmani, *akhlāk* dan tingkah laku. Ia menyiapkan manusia untuk hidup baik dalam keadaan senang atau susah, damai atau perang dan melengkapkan seseorang individu bagi membolehkannya menghadapi masyarakat dengan segala kebaikan dan kejahatannya, kemanisan dan kepahitannya (al-Qardawi, 1980). Menurut Ibn Khaldūn, Pendidikan Islam ialah yang berkaitan dengan ‘Ilmu Lisān, ‘Aqal dan ‘Ilmu *Wahy* yang dapat memberi kecerdikan dan kesempurnaan ketahap yang diperlukan yang membezakan antara manusia daripada haiwan (Fatiyyah, T.T) Imām al-Ghazālī (T.T) berpendapat pendidikan Islam ialah satu proses untuk memberi kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat dengan penglibatan dalam Fardu ‘Ain dan Fardu Kifāyah yang berkemuncakkan hampirnya diri kepada Allah S.W.T. Justeru, didapati tujuan Pendidikan Islam adalah lebih luas dan *syumūl* dalam menjadikan manusia sebagai seorang insan yang baik dan *sāleh* ke arah menuju kepada Allah S.W.T. dan akhirat. Kesimpulannya, Islam tidak meletakkan matlamat pendidikan manusia untuk sesiapaupun melainkan kerana Allah S.W.T.. Pendidikan Islam jelasnya mempunyai matlamat untuk melahirkan insan yang baik atau insan yang sempurna, iaitu insan yang mempunyai ciri-ciri atau sifat *taqwā* dalam dirinya. Ini bersesuaian dengan *firmān* Allah S.W.T yang bermaksud.:

Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah S.W.T. di kalangan kamu ialah yang lebih bertaqwa. (Sūrah al-Hujurāh (49) : 13)

Sebagai kesimpulan, Islam menterjemahkan *tarbiyyah* sebagai suatu persediaan untuk *rūh* dan jiwa seseorang untuk menerima pelajaran, pengetahuan dan kemahiran melalui cara yang telah dirancang. Maka ia mengambil faktor asas untuk memberi kekuatan dan keupayaan menunaikan amanah yang agung dalam kehidupannya merangkumi peranannya di atas dunia ini dan akhirat. Oleh itu, apa yang dapat kita fahami ialah, pendidikan Islam itu sebenarnya bertujuan mengembangkan secara seimbang keseluruhan aspek peribadi manusia melalui latihan *rūhaniyyah*, minda, fizikal, perasaan dan pancaendera. Kemudiannya pendidikan Islam ini akan menuju kepada perkembangan insan kearah kesempurnaan dari segenap aspek.. Bagi umat Islam, matlamat ulung bagi pendidikan seorang Muslim terkandung dalam *realisasi* pengabdian yang selengkapnya kepada Allah S.W.T..

ii. Sejarah Kemajmukan di Malaysia

Sebelum kedatangan Jepun, Tanah Melayu terlebih dahulu dikuasai Portugis (1511-1641), Belanda (1641-1824) dan British (1824-1941, 1946-1957). Selama lebih kurang 446 tahun Tanah Melayu dijajah sehinggalah mencapai kemerdekaan. Sebelum kedatangan penjajah dan sebelum wujudnya Empayar Melaka, Tanah Melayu dipengaruhi Kerajaan Sriwijaya bermula sekitar (683/7M – 13M) dan Majapahit (1294-1478). Sriwijaya adalah empayar besar yang



pernah menguasai Nusantara dan merupakan kerajaan besar yang pernah berjaya di Nusantara. Majapahit diasaskan pada tahun 1294 oleh Raden Wijaya diikuti lima orang lagi Raja sehinggalah tahun 1478. Hubungan etnik di Malaysia mula diberi perhatian terutamanya selepas penjajahan Jepun (1941-1945). Ini berikutan dasar kerajaan Jepun yang begitu membenci orang Cina berikutan perang di antara kedua negara China - Jepun (1937-1945). Apabila tentera Jepun menyerah kalah pada 16 Ogos 1945, bintang tiga telah berkuasa selama 14 hari dan memburu Melayu yang pernah menjadi orang suruhan Jepun. Ini menyebabkan berlakunya proses 'distant dan distrust' antara Melayu dan Cina.

Selepas British menguasai Tanah Melayu, bermulalah fasa perkembangan Tanah Melayu dari sudut politik, sosial dan ekonomi. Imigran Cina dan India masuk ke Tanah Melayu secara besar-besaran pada tahun 1848 akibat perkembangan industri bijih timah dan getah. Penghijrahan inilah yang kemudiannya mewujudkan masyarakat majmuk di Tanah Melayu hingga ke hari ini. Di peringkat awal, para imigran datang bekerja di Tanah Melayu dan kembali ke negara asal. Kemudiannya, ada yang menetap terus sama ada dengan berkahwin sesama sendiri atau membawa kaum keluarga dari negara asal. Natiujahnya, komuniti imigran ini berkembang biak dan ketika kemerdekaan Tanah Melayu sudah wujud kaum imigran generasi yang kedua dan ketiga. Mereka ini tidak pernah balik ke negara asal kerana lahir dan membesar di Tanah Melayu. Selain imigran Cina dan India, ada juga imigran Melayu dari kepulauan Nusantara yang datang ke Tanah Melayu antaranya dari Kalimantan, Jawa, Sumatera, Sulawesi, Riau dan lain-lain kepulauan yang dikenali sebagai Indonesia sekarang. Imigran-imigran inilah yang kemudiannya membentuk masyarakat majmuk di Malaysia bersama-sama orang Melayu yang telah ada di Tanah Melayu sejak sekian lama.

Kemajmukan ini semakin rencam apabila Sabah dan Sarawak dicantumkan dengan Semenanjung pada 16 September 1963. Sabah mempunyai hampir 32 etnik pelbagai kaum dan Sarawak pula sekitar 28 etnik. Dengan itu, terdirilah Malaysia dengan pelbagai kaum, budaya dan kepercayaan yang unik. Kesemua kaum ini bersama –sama membentuk perpaduan atas nama Malaysia sehinggalah ke hari ini.

3. Objektif dan Metodologi

Objektif kajian untuk memahami sejarah kemajmukan dan aplikasi pendidikan Islam dan moral dalam variasi etnik di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi kajian kepustakaan. Metod dokumentasi digunakan untuk mengumpul data dan analisis kandungan dibuat secara deskriptif.

4. Penemuan dan Diskusi

Aplikasi pendidikan Islam dan Moral di Malaysia

Dalam konteks orang Melayu dan lain-lain etnik di Sabah dan Sarawak yang beragama Islam, pendidikan Islam seiring dengan kedatangan Islam ke Nusantara yang di bawa sama ada oleh pendakwah dari Cina, India (S.Q. Fatimi, 1963) atau Arab (S.M Naquib, 1969). Seiring kemajuan dan perkembangan Malaysia, pendidikan Islam semakin bertapak terutamanya selepas syor yang dibuat dalam penyata Abdul Rahman Talib 1960. Selepas itu dikukuhkan menerusi Akta Pelajaran 1961 yang memberi peruntukan kewangan selain diwajibkan sekolah-sekolah bantuan kerajaan mewujudkan subjek pelajaran agama Islam dan dikuatkuasakan pada 1962 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1972). Abdullah (1995) menyatakan, selain itu, orang-orang melayu juga juga menghantar anak-anak mereka ke Mekah, Mesir, Patani dan negara-negara Islam lain untuk mengukuhkan lagi pembelajaran agama. Bila mereka pulang mereka menyebarkan pula kepada yang lain terutamanya dengan menggunakan institusi pondok. Bagi pelajar bukan Islam di Malaysia, seperti penganut Buddha, Hindu, Sikh, Kristian dan lain lain, mereka perlu mempelajari pendidikan moral di sekolah sekolah kerajaan. Kedua-dua subjek ini sama ada Islam atau moral, mempunyai mempunyai persamaan dari segi aspek matlamat iaitu membangunkan masyarakat yang berdisiplin, beretika dan bersatu dalam membentuk generasi yang berdisiplin dan hidup secara harmonis, (Laporan Kabinet, 1979). Pendidikan Moral merupakan mata pelajaran teras bagi murid-murid bukan Islam di peringkat sekolah rendah dan menengah.

Nilai-nilai yang diajar ini ialah nilai-nilai universal yang diambil dalam nilai keagamaan, tradisional dan budaya pelbagai etnik yang selari dengan nilai moral sejagat. Untuk menjayakan pembentukan warganegara yang berdisiplin dan bertatasusila, Laporan Jawatankuasa Kabinet memperakukan supaya murid-murid bukan Islam diajar Pendidikan Moral dan Etika. Pengajaran Pendidikan Islam pula diperbaiki serta diperkukuhkan. Ubahsuaian-ubahsuaian juga dilakukan dalam kurikulum untuk menemui dan memenuhi hasrat menghasilkan warganegara yang dapat memberi sumbangan kepada negara (Laporan Jawatankuasa Kabinet, 1979). Kurikulum Standard Pendidikan Moral bermatlamat membentuk insan berakhlak mulia, berintegriti dan boleh menyumbang ke arah keharmonian dan kestabilan negara sertamasyarakat global. Pendidikan moral diiktiraf kerajaan dan diajar secara formal sejak 1989 sama ada di sekolah rendah atau menengah dengan menggunakan silibus sebagaimana ada dalam KBSM atau Kurikulum



Bersepadu Sekolah Menengah (KPM, 2000). Sejak zaman pemerintahan British, Pendidikan Moral sentiasa diiktiraf dan diakui dalam kurikulum sekolah Malaysia. Pendidikan Moral itu sendiri iaitu berkaitan dengan penguasaan tiga dimensi moral yang meliputi pemikiran moral, emosi moral dan tingkah laku moral.

Melihat kepada cita-cita dan falsafah pendidikan negara yang mana pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988). Oleh itu dengan adanya Pendidikan Islam dan Moral di sekolah, berjaya menjadikan rakyat Malaysia lebih cakna dan faham perihai keperluan mempraktikkan ajaran pendidikan Islam. Apapun, dalam konteks globalisasi dan pengaruh media sosial, pendidikan Islam menerima tempasnya. Presiden Ikatan Guru-Guru Muslim Malaysia (i-Guru), Mohd Azizee Hasan (2022) menolak sebarang cadangan atau usaha mengurang apatah lagi memansuhkan subjek Pendidikan Islam di sekolah kebangsaan. Penekanan kepada subjek Pendidikan Islam perlu diberi keutamaan kerana generasi hari ini terdedah dengan pelbagai risiko masalah disiplin dan kelunturan akhlak. Kurikulum Pendidikan Islam perlu diperkasakan dengan menekankan aspek amali, bukan sekadar hafazan dan ingatan. Begitu juga Pendidikan Moral. Lickona (1991) pula menyatakan untuk menjadi seorang yang bermoral, seseorang itu perlu mengetahui kebaikan, menginginkan kebaikan dan melakukan kebaikan. Justeru, aplikasi pendidikan moral seharusnya dimulakan oleh ibu bapa dan pendidik itu sendiri. Semua yang terlibat perlu ada kebaikan, menginginkan kebaikan dan berusaha melakukan kebaikan semampunya dan tidak mengenal putus asa dan kecewa.

5. Kesimpulan

Pendidikan adalah proses memindahkan nilai-nilai kebudayaan kepada setiap individu dalam masyarakat melalui proses pengajaran, latihan dan indoktrinasi dalam pendidikan sebenarnya. Dalam konteks variasi etnik di Malaysia, pendidikan sebegini telah wujud dan secara formalnya ia menjunjung tinggi falsafah pendidikan Negara Malaysia dan Rukunegara yang teras utamanya adalah kepercayaan kepada Tuhan. Bermaksud setiap rakyat Malaysia perlu beragama dan mempraktikkan ajaran agama dalam kehidupan seharian mereka. Bagi orang Islam, pendidikan Islam telah bermula sebelum perkahwinan lagi apabila Nabi SAW menggalakkan pasangan yang ingin meletakkan orang yang mempraktikkan ajaran agama dalam kehidupan. Dengan itu, akan lahir generasi yang baik dari benih yang baik yang seterusnya membawa kepada keluarga dan masyarakat yang baik. Maka dengan itu terbentuklah negara yang baik yang diampuni Allah SWT. Dalam konteks hari ini, seharusnya aplikasi pendidikan Islam dan moral harus bermula dari ibu bapa dan tidak sekadar bergantung kepada pendidikan Islam dan moral yang diwajibkan kerajaan. Kepelbagaian masyarakat di Malaysia memerlukan masyarakat yang harmoni, bertolak ansur dan saling menghormati sebagaimana yang dihasratkan melalui Dasar Pendidikan Kebangsaan. Agama sebagai tunjang utama dalam mencorakkan pemikiran dan sikap masyarakat. Aplikasi pendidikan Islam dan moral tidak melahirkan masyarakat Malaysia yang pelbagai etnik yang terbelenggu dengan sentimen perkauman dan prejudis. Sekiranya wujud, bermaksud bukan kegagalan dasar pendidikan kerajaan tetapi kegagalan semua masyarakat dalam mengaplikasikan agama dalam diri dan keluarga. Diperingkat inilah seharusnya benih-benih agama sudah dimasukkan dalam diri anak-anak supaya mudah dibentuk apabila mencapai usia persekolahan.

Variasi etnik dengan sejarah yang pelbagai sukar untuk diintegrasikan. Kerajaan sejak kemerdekaan hingga sekarang masih lagi gigih berusaha merealisasikannya. Pendidikan Islam dan moral hanyalah sedikit dari usaha-usaha yang berterusan. Pelbagai halangan dan cabaran dihadapi dan 'political will' akan mempercepatkan usaha ini disamping bijaksana rakyat dalam memilih pemerintah melalui sistem demokrasi berparlimen raja berperlembagaan.

Rujukan

- AbdulMalik AbdulKarim Amrullah (1986), *Tafsir al-Azhar*, Juzuk 1, C.2. Singapura : Pustaka Nasional PTE LTD.
- Abdullah Ishak (1995). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Baydāwī, al-Qādī Nāsir al-Dīn Abī Sa'īd 'Abdullah Bin 'Umar Bin Muhammad al-Syīrāzi (1968). *Anwār al-Tanzīl Wā Asrāru al-Ta'wīl*, C. 2. Mesir : Maktabah Wā Matba'ah Mustafā al-Bābi al-Halabi Wā Aulāduhā,
- Al-Ghazālī, (t. t.) *Ihyā 'Ulūm al-Dīn*, c.1. Kaherah : T.T.P.
- Fatīyyah Sulaymān, (t. t.) , *Al-Madhab al- Tarbāwī 'inda ibn Khaldūn*, Kaherah : T.P..
- Hassan Langgulong, Dr. (1979), *Pendidikan Islam : Suatu Analisa Sosio-Psikologikal*, c.2. Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara.
- Ibn Manzūr (1955) *Lisān al-'rab*, c.1. Beirut : T.P



-
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1972), Laporan Mengenai Pelaksanaan Dasar Pelajaran Terhadap Pelajaran Uagama Islam Mengikut Syor-Syor Penyata Razak 1965 dan Jawatankuasa Menyemak Pelajaran 1960. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- KPM [Kementerian Pendidikan Malaysia]. (1996). Akta Pendidikan. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Bhd.
- Lickona, T. (1991). Educating For Character : How Our Schools Can Teach Respect And Responsibility. New York: Bantam.
- Maurice Waite, (1995), *The Oxford Dictionary And Usage Guide To The English Language*, c.4. New York : Oxford University Press.
- Sidi Gazalba (1970) *Pendidikan Umat Islam : Masalah Terbesar Kurun Kini Menentukan Nasib Umat*. Jakarta : Bhratara
- S.M Naquib al Attas (1969) Preliminary Statement on General Theory of Malay-Indonesia Archipelago (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S.Q. Fatimi (1963) *Islam comes to Malaysia* Singapore : Malaysia Sociological Research Institute
- Tham Seong Chee (1977), *Malays And Modernization : A Sociological Interpretation*, c.1. Singapore: University Press Pte Ltd, h. 93
- Yūsuf Al-Qardāwī, (1980) , *Pendidikan Islam Dan Madrasah Hassan Al-Banna*, Profesor H. Bustami Ghani & Drs Zainal Abidin Ahmad (terj.). Jakarta : Penerbitan Bulan Bintang, h. 39.